

UMS beri layanan terbaik kepada pelajar OKU

NET 5.9.2014 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebajikan pelajar terlebih kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Perkara itu dinyatakan seorang pelajar OKU, Sylvis A. Tay ketika ditemui selepas majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baharu di Dewan Canselor UMS.

Beliau yang kehilangan kaki kirinya akibat kanser tulang ketika berumur sembilan tahun berkata, UMS melalui inisiatif Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah menyediakan pengangkutan khas untuk memudahkan pergerakan mereka sepanjang pengajian.

“Selain itu, saya dan rakan-rakan lain turut ditempatkan di bahagian aras bawah di kolej kediaman bagi memastikan kami tidak perlu bersusah payah menaiki tangga untuk masuk ke bilik. Saya sangat terharu dan berterima kasih atas layanan istimewa yang diberikan UMS,” ujarnya yang mendapat tawaran dalam bidang



BUKAN HALANGAN ... Sylvis pada Majlis Lafaz Ikrar dan Aku Janji Mahasiswa Baharu UMS.

Kejuruteraan Perisian, Fakulti Kejuruteraan.

Pelajar kelahiran daerah Kota Marudu ini turut memuji keramahan kakitangan UMS dan para Pembimbing Suai Mesra (PSM) yang sentiasa bersedia dalam memberi khidmat bantuan kepada seluruh mahasiswa.

“Selaku pelajar-pelajar baharu, saya tidak merasa terasing dan berada jauh daripada keluarga memandangkan kemesraan dan layanan baik pihak universiti membuatkan kami seperti berada di rumah. Saya percaya rakan-rakan mahasiswa lain juga sependapat dengan saya,” ujarnya lagi.

UMS merupakan pilihan utama pelajar seluruh Malaysia apabila mencatatkan jumlah tertinggi kemasukan pelajar baharu prasiswazah Institut Pengajian Tinggi Awam dengan seramai 4,851 orang. Daripada jumlah tersebut enam daripadanya adalah pelajar OKU.